



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN RUANG MEDIA MBSP

TARIKH / MASA / TEMPAT

27 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)
11:30 PAGI

RUANG MEDIA, LOBI MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmod

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah rahmatnya sekali lagi dapat kita berkumpul bersama-sama di Ruang Media Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Ruang Media ini.

MBSP telah menyediakan satu Ruang Media khas bagi kegunaan rakan-rakan media di Ruang Lobi, Menara Bandaraya MSBP. Selain menjadi lokasi rasmi untuk Sidang Akhbar MBSP, Ruang Media ini juga bertujuan untuk memberi keselesaan kepada rakan media dalam membuat

liputan berkenaan MBSP. Ruang Media ini disediakan di Lobi Menara Bandaraya supaya dapat mengoptimumkan penggunaan ruang dan tenaga. Ruang lobi telah dilengkapi dengan penghawa dingin dan pencahayaan. Justeru Ruang Media ini menjadi salah satu usaha MBSP untuk mengurangkan karbon dan pemanasan global. Ruang Media ini bercirikan kehijauan dan teknologi menjadi simbol bagi mencapai inisiatif Penang2030 D – *Invest in built environment to improve resilience*.

Selain digunakan untuk tujuan media, ruang ini juga boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain seperti memberi taklimat ringkas, perbincangan ringkas, temuramah atau program-program yang berskala kecil. Dengan adanya ruang yang lengkap dengan kemudahan teknologi, saya berharap ianya dapat memberikan komunikasi dua hala yang jelas kepada semua rakan media dan pegawai MBSP.

Projek ruang media ini dibahagikan kepada dua (2) fasa iaitu fasa pertama (1) dan fasa ke dua (2). Pada peringkat ini, fasa pertama (1) telah disiapkan merangkumi ruang taklimat, dinding hijau, perabot, kemudahan penggunaan elektrik, dan USB Port. Fasa pertama (1) bermula pada bulan Ogos 2019 dan telah disiapkan pada 13 September 2019. Manakala fasa ke

dua (2) akan ditambahbaik dengan system visual, naiktaraf dinding hijau serta kemudahan pendawaian elektrik dan lain-lain lagi.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengarah Jabatan Bangunan, Cik Noorhanis Bin Noordin, Penolong Pengarah Bangunan, Encik Raisul Muhaddisin Bin Hamad, Penolong Pegawai Senibina Kanan, Encik Sharul Hisham Bin Abdul Hamid dan semua kakitangan Jabatan Bangunan dan jabatan-jabatan lain yang terlibat dalam melaksanakan projek ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Ini adalah salah satu usaha MBSP untuk menghargai sumbangan rakan-rakan media. MBSP ingin mengucapkan terima kasih di atas semua liputan yang dibuat mengenai Seberang Perai selama ini. Saya berharap semua rakan-rakan media dapat memainkan peranan yang lebih efektif dalam penyampaian serta penyiaran maklumat secara lebih berkesan kepada orang awam.

Besarliah harapan saya agar ruang media MBSP ini dapat beroperasi dengan lancar dalam melaksanakan peranannya sebagai medium komunikasi dan informasi dalam penyiaran awam. Saya berharap kita

semua akan menggunakan dan menjaga kemudahan ini dengan sebaiknya.

Dengan lafaz Bismillillahirrahmanirahim, saya merasmikan Ruang Media Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.